

# RANGKUL LAPAN KEMENANGAN

**Sarah Aina Shawal**

Sarah.aina@bh.com.my

**Politeknik Kota Kinabalu,**

Sabah melakar sejarah apabila buat julung kalinya dimobatkan sebagai pemenang keseluruhan Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka. Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 di Politeknik Suluhan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), baru-baru ini.

Politeknik Kota Kinabalu turut merangkul lapan kemenangan lain termasuk menjarai pertandingan dikir barat dan nyanyian duet lagu patriotik.

Tempat kedua keseluruhan pula menjadi milik PSA sementara Politeknik Kota Bharu, Kelantan menjadi pemenang tempat ketiga.

Hadiah kepada pemenang keseluruhan disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (PPKK), Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz yang turut memrasikan majlis penutup festival berkenaan. Turut hadir, Pengarah PSA, Dr Mohd Zahari Ismail.

Dr Mohd Ismail berkata, acara sebegini bukan hanya sambutan semata-mata malah turut menjadi

Politeknik Kota Kinabalu juara keseluruhan Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka




FOTO FAIZ ANUAR

**PERSEMBAHAN** tarian tradisional daripada pelajar memeriahkan lagi majlis penutup festival.

mengenal dan menghayati erti kemerdekaan yang sebenar.

"Kemerdekaan bukanlah sekadar bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah, tapi ia lebih membanggakan apabila setiap rakyatnya perlu

mempunyai perasaan kasih dan sayang kepada negara ini dengan sepenuh jiwa raga. Selain sanggup berkorban apa saja demi negara dan semanear itu harus dipujuk

Beliau berkata, generasi muda hari ini adalah penentu jatuh bangun sesebuah negara dan aset penting bagi

mengembalikan kedaulatan serta keharmonian negara pada masa akan datang. Sempena festival itu, pelbagai acara diadakan termasuk dikir barat, solekan berkarater, nyanyian lagu patriotik, pertandingan fotografi dan melukis potret tokoh.

Sementara itu, jurulatih dikir barat bagi pasukan Gemma Pendidta Politeknik Kota Kinabalu, Mohd Khaiful Fathi Mokhtar berkata, pihaknya tidak menjangka kemenangan itu sekali gus dimobatkan sebagai johan dikir barat dan mengongdol anugerah utama johan keseluruhan festival.

"Kemenangan ini hadiah buat Politeknik Kota Kinabalu atas sokongan semua pihak yang bertungkus-lumus memberi komitmen berkorban masa beberapa minggu merealisasikan impian untuk melakar kejayaan ini terutama daripada semua ahli

## INFO

- Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka Politeknik Malaysia mula dipertandingkan di Politeknik Ungku Omar pada 2011.
- Bertujuan mewujudkan platform bagi menjalinkan perpaduan dan menanam sikap cintakan negara dalam kalangan pelajar melalui kebudayaan, warisan dan kesenian.

**Senarai pemenang Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka, Politeknik dan Kolej Komuniti 2018**

1. Pertandingan Nyanyian Duet Lagu Patriotik: Johan - Politeknik Kota Kinabalu
2. Pertandingan Melukis Potret Tokoh: Johan - Politeknik Ibrahim Sultan
3. Pertandingan Solekan Berkarater: Johan - Politeknik Seberang Perai
4. Pertandingan Dikir Barat: Johan - Politeknik Kota Kinabalu



MOHD ISMAIL (tengah) bersama pemenang temour pertama kategori